


**PENTAKSIRAN SETARA STANDARD
REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI TAHUN 5**

Bahagian A

1. Ibu ingin meretas dan menanggalkan mata jahitan serta memotong lubang butang. Apakah alat yang sesuai digunakan?
 - A. Mesin Jahitan Tangan
 - B. Peretas Jahitan
 - C. Gunting Fabrik
 - D. Roda surih
2. Yang berikut adalah mata jahitan tangan kecuali
 - A. Jahitan kia
 - B. Jahitan kasar
 - C. Jahitan sembat
 - D. Jahitan insang pari
3. Apakah maksud fabrik?
 - A. Kain yang dibuat daripada benang yang ditenun
 - B. Benang yang dibuat daripada kain
 - C. Kain lembut untuk membuat artikel
 - D. Artikel jahitan yang telah siap
4. Pilih artikel jahitan yang digunakan ketika memasak?
 - A. Bekas pensel
 - B. Apron
 - C. Alas pinggan
 - D. Tempat pemegang kunci
5. Mengapa kita perlu menjana idea kreatif sebelum membuat artikel jahitan?
 - A. Untuk menyelesaikan masalah dengan satu idea terbaik
 - B. Untuk melihat kecantikan lakaran
 - C. Untuk membuat anggaran harga
 - D. Untuk mengeluarkan produk baharu
6. Bagaimanakah cara untuk menjimatkan kos ketika menghasilkan artikel jahitan?
 - A. Menggunakan bahan kitar semula
 - B. Membeli semua bahan yang hendak digunakan
 - C. Meminta bahan jahitan dari kedai
 - D. Tidak perlu menggunakan bahan jahitan
7. Apakah maksud tenaga boleh baharu?
 - A. Tenaga yang boleh dijana daripada sumber semulajadi
 - B. Tenaga yang boleh dijana daripada sumber fosil
 - C. Tenaga yang boleh dijana daripada sumber perlombongan
 - D. Tenaga yang boleh dijana daripada sumber matahari


8. Antara yang berikut manakah sumber biojisim?
- A. Angin
 - B. Air
 - C. Najis haiwan
 - D. Gunung berapi
9. Di manakah kawasan yang sesuai untuk membina kincir angin?
- A. Di Kawasan yang mempunyai aliran air yang deras
 - B. Di Kawasan yang mempunyai tiupan angin yang kuat
 - C. Di Kawasan yang mempunyai sinaran matahari yang terik
 - D. Di Kawasan lapang yang tiada halangan
10. Mengapakah kita perlu menggunakan tenaga boleh baharu dalam kehidupan seharian?
- A. Tenaga boleh baharu adalah sumber yang tidak akan habis
 - B. Tenaga boleh baharu menyebabkan pencemaran udara
 - C. Tenaga boleh baharu mudah diperolehi di mana-mana
 - D. Sumber tenaga boleh baharu sukar didapati
11. Manakah antara berikut bukannya kategori blok?
- A. Pseudokod
 - B. Events
 - C. Pin
 - D. Control
12. Antara yang berikut manakah yang berfungsi menggunakan atur cara?
- A. Kotak
 - B. Pisau
 - C. Robot
 - D. Basikal
13. Kemanakah atur cara yang telah dibuat perlu di muat turun?
- A. Kek lip buaya
 - B. Ke perintang tetap
 - C. Ke papan mikropengawal
 - D. Ke suis tekan

14.



Apakah nama komponen di atas?

- A. Papan reka
- B. Bod lekap
- C. Papan mikropengawal
- D. Motor

15. Bilakah kita perlu menulis perkataan MULA semasa menulis pseudokod?
- A. Di akhir penulisan
 - B. Di awal penulisan
 - C. Di pertengahan penulisan
 - D. Di mana-mana bahagian penulisan
16. Apakah perkakasan yang mengawal pergerakan pada produk yang menggunakan pengaturcaraan?
- A. LED
 - B. Pembaz
 - C. Motor
 - D. Papan mikropengawal
17. Manakah antara simbol berikut digunakan untuk ulangan atau pilihan dalam carta alir?
- A. 
 - B. 
 - C. 
 - D. 
18. Mengapakah projek pengaturcaraan perlu diuji?
- A. Untuk memastikan projek yang dibuat boleh berfungsi
 - B. Untuk menentukan komputer boleh berfungsi
 - C. Untuk menunjukkan kepada kawan projek yang telah dihasilkan
 - D. Supaya guru memuji hasil kerja kita

19. Aktiviti bercucuk tanam di Kawasan rumah akan menjadikan rumah...
- A. Sempit dan sesak
 - B. Cantik dan menarik
 - C. Lapang dan luas
 - D. Berwarna-warni
20. Apakah kelebihan menggunakan system taking dalam tanaman di kawasan terhad?
- A. Tidak memerlukan baja
 - B. Tidak perlu penjagaan rapi
 - C. Tidak perlu menyiram tanaman setiap hari
 - D. Tidak memerlukan cahaya matahari
21. Pilih bahan yang menggunakan sumber tenaga semulajadi
- A. Sel basah
 - B. Sel kering
 - C. Sel solar
 - D. Sel badan
22. Pilih pernyataan yang berkaitan dengan pertanian bandar?
- I. Merupakan aktiviti bercucuk tanam
 - II. Menggunakan jentera moden
 - III. Dijalankan di ruang yang terhad
 - IV. Memerlukan ruang yang luas untuk menanam
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. I,II dan III
 - D. I,II,III dan IV
23. Berikut adalah kediaman yang mempunyai Kawasan terhad kecuali...
- A. Kondominium
 - B. Rumah kampung
 - C. Rumah pangsa
 - D. Rumah teres

24. Pilih kebaikan pertanian bandar

- I. Menjana pendapatan sampingan
- II. Menghasilkan sumber makanan sendiri
- III. Memelihara alam sekitar
- IV. Menghasilkan baja menggunakan sisa makanan

- A. I,II dan III
- B. II,III dan IV
- C. I,III dan IV
- D. I,II,III dan IV


25. Mengapakah penanaman secara hidroponik sesuai untuk pertanian bandar?

- A. Perlu tanah sebagai medium
- B. Perlu disiram setiap hari
- C. Tidak perlu menyiram
- D. Perlu ruang yang luas

Bahagian B

1. Namakan langkah membina projek sistem takungan menggunakan botol mineral berdasarkan rajah yang ditunjukkan.

• Memasukkan leca pada bahagian atas penutup takung air
• Menanam anak benih sayur pada takung tanaman
• Memotong botol dengan menggunakan gunting
• Memasukkan tali mop pada lubang
• Memasang penutup botol di tempatnya



(10 markah)

2. Isi jawapan tentang proses menghasilkan produk di bawah dengan betul.

Mengukur dan menanda	Memotong bahan	Memasang komponen produk	Memasang komponen elektrik	Menguji produk
----------------------	----------------	--------------------------	----------------------------	----------------

1. Bahagian produk yang telah siap dipotong akan dicantum menggunakan glu atau pengikat yang sesuai	
2. Memastikan semua komponen yang telah siap dipasang boleh berfungsi dengan sempurna	
3. Mendapatkan ukuran bahan produk menggunakan pembaris dan pensel	
4. Mencantumkan komponen elektrik seperti motor, sel solar, suis dan lainnya dengan betul mengikut kekutuban komponen	
5. Komponen yang telah diukur akan dipotong menggunakan pisau dan gunting	


(10 markah)

3. Kira anggaran kos bagi menghasilkan artikel jahitan anak patung

Bahan	Kuantiti diguna	Harga seunit	Jumlah diguna (RM)
Fabrik	2 helai	Rm3.20 sehelai	
Renda	3 helai	RM1.20 sehelai	
Butang	3 biji	RM0.40 sebiji	
Benang	2	RM0.80 satu	
Kapor tukang jahit	1	RM0.80 satu	
Kertas minyak	5	RM0.90 sehelai	
Jumlah anggaran kos			

(10 markah)

4. Namakan peralatan, perkakas dan medium penanaman yang digunakan untuk membuat takung yang ditunjukkan di bawah ini.



(10 markah)

5. Padankan sumber tenaga boleh baharu berikut dengan sumber semulajadinya

Geoterma	Tenaga solar	Air	Biojisim	Angin	Ombak
-----------------	---------------------	------------	-----------------	--------------	--------------

Sumber Tenaga Boleh Baharu	Sumber semulajadinya
Pergerakan air laut yang kuat yang boleh menggerakkan turbin	
Reputan tumbuhan dan najis haiwan untuk menghasilkan bahan api	
Tenaga haba daripada perut bumi yang menghasilkan wap yang akan menggerakkan turbin	
Cahaya matahari	
Takungan air dalam empangan bagi memutarakan turbin	
Tiupan angin kuat yang membolehkan kincir angin berputar	

(10 markah)